



Handwritten signature and date:
2.2.23

KENYATAAN MEDIA

MENJUNJUNG TITAH

**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM
SULTAN ISKANDAR, SULTAN YANG DIPERTUAN BAGI NEGERI
DAN JAJAHAN TAKLUK JOHOR DARUL TA'ZIM**

FATWA

**ORANG ISLAM HADIR KE UPACARA RITUAL
PERAYAAN PENGANUT AGAMA BUKAN ISLAM**



KENYATAAN MEDIA

MENJUNJUNG TITAH

**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN IBRAHIM IBNI ALMARHUM SULTAN
ISKANDAR, SULTAN YANG DIPERTUAN BAGI NEGERI DAN JAJAHAN
TAKLUK JOHOR DARUL TA'ZIM**

FATWA

**ORANG ISLAM HADIR KE UPACARA RITUAL
PERAYAAN PENGANUT AGAMA BUKAN ISLAM**

PENDAHULUAN

1. Islam adalah agama yang menyeru kepada keharmonian, kedamaian dan saling menghormati antara umat manusia. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Hujurat ayat 13:

Maksudnya: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)."

2. Dalam urusan seharian dengan orang yang bukan Islam, Allah SWT mengingatkan kepada umat Islam agar senantiasa berlaku adil dan bersikap kasih dengan mereka. Firman Allah SWT dalam surah Al-Mumtahanah ayat 8:
Maksudnya: "Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil."
3. Islam adalah agama rahmat yang bukan sahaja ditujukan untuk sesama Islam tetapi juga untuk sekalian alam. Firman Allah SWT dalam surah Al-Anbiyak ayat 107:
Maksudnya: "Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."
4. Sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan Saidatina 'Aisyah RA:
Maksudnya: "Sesungguhnya aku diutus dengan agama yang lurus dan toleransi."

KEWAJIPAN MEMELIHARA KESUCIAN AKIDAH

5. Umat Islam bertanggungjawab sentiasa memelihara akidah yang menjadi tunjang kepada kehidupan beragama. Firman Allah SWT dalam surah Ali 'Imran ayat 19:
Maksudnya: "Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam..."

Firman Allah SWT dalam surah Al-Kafirun ayat 1 hingga 6:

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): "Hai orang-orang kafir!(1) "Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah(2) "Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah(3) "Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat(4) "Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat(5) "Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku"(6)»

6. Atas dasar itu, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor telah berkenan agar semua umat Islam di negeri Johor Darul Ta'zim hanya berpegang kepada akidah Islam yang murni dan sebenar, berteraskan akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah aliran Al-

Asyairah dan Al-Maturidiyyah serta menghindari apa jua pegangan akidah yang bertentangan dan menyeleweng daripada aliran tersebut.

7. Titah perkenan ini telah dikanunkan melalui Seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) (Pindaan) 2014.

HUKUM UMAT ISLAM MENGHADIRI UPACARA RITUAL PERAYAAN KEAGAMAAN BUKAN ISLAM

8. Para ulamak daripada empat mazhab, Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali, telah bersepakat bahawa hukum umat Islam menghadiri upacara ritual perayaan keagamaan bukan Islam **adalah haram dan dilarang**. Upacara ritual keagamaan bukan Islam ini termasuklah di rumah ibadat mahu pun di tempat-tempat lain yang biasa dilaksanakan upacara ritual tersebut.
9. Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT
Maksudnya: "Dan mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang tidak menghadiri tempat-tempat melakukan perkara-perkara yang dilarang, dan apabila mereka bertembung dengan sesuatu yang sia-sia, mereka melaluinya dengan cara membersihkan diri daripadanya."
10. Firman Allah SWT dalam surah Al-An'am ayat 82:
Maksudnya: "Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk."
11. Dalam sebuah hadis Rasulullah SAW, suatu hari Abu Bakar RA datang melawatnya pada hari Raya Aidilfitri atau Aidiladha, dan Nabi Muhammad SAW ada bersamanya pada hari itu. Bersama Aisyah juga ada dua orang penyanyi wanita yang sedang menyanyikan lagu kaum Ansar tentang hari Bu'ath. Maka Abu Bakar pun berkata "seruling syaitan" sebanyak dua kali. Maka Nabi SAW pun berkata "biarkan mereka berdua wahai Abu Bakar, sesungguhnya bagi setiap kaum ada hari perayaan, dan hari ini merupakan hari raya bagi kita."
(Riwayat Imam Al-Bukhari)

12. Justeru, umat Islam adalah **ditegah dan dilarang** daripada menghadiri, menyertai apatah lagi merayakan upacara ritual perayaan agama bukan Islam sama ada di rumah ibadat mereka atau di tempat-tempat perayaan mereka.

HUKUM MERAIKAN UNDANGAN ATAU JEMPUTAN KE MAJLIS SEMPENA PERAYAAN BUKAN ISLAM TANPA UPACARA RITUAL KEAGAMAAN

13. Menurut sebilangan ulamak, hukum meraikan undangan atau jemputan ke majlis sempena perayaan bukan Islam tanpa upacara ritual keagamaan adalah **harus dan dibenarkan**. Contohnya majlis rumah terbuka atau majlis makan malam bersempena hari perayaan bukan Islam dan seumpamanya. Walau bagaimanapun, ia hendaklah mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama, sebagaimana di lampiran, bagi memastikan akidah umat Islam sentiasa terpelihara.

TANGGUNGJAWAB PENGANJUR

14. Penganjur sesuatu majlis perayaan bukan Islam hendaklah sentiasa peka dan memastikan sensitiviti umat Islam dihormati selaras dengan agama Islam sebagai agama persekutuan dan agama bagi negeri Johor Darul Ta'zim. Pihak penganjur hendaklah merujuk kepada garis panduan yang disediakan sebagaimana di lampiran.
15. Sebagai perbandingan, ketika umat Islam melaksanakan ibadat solat sunat dua hari raya dan sembelihan binatang korban semasa Aidil Adha, maka majlis tersebut tidak dilibatkan orang bukan Islam demi menjaga sensitiviti kedua-dua pihak.

PENUTUP

16. Islam amat menitikberatkan umatnya akan larangan-larangan penglibatan umat Islam dalam ritual perayaan agama bukan Islam bertujuan untuk memelihara kesucian akidah dari terpesong dan menyeleweng, bahkan terjerumus kepada syirik. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah An-Nisa' ayat 48: Maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukan-Nya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan Syariat-Nya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar."
17. Hadis Rasulullah SAW, riwayat Ibnu Umar RA yang bermaksud: "Sesiapa yang menyerupai (menyertai) sesuatu kaum, maka dia adalah tergolong dalam golongan tersebut." (Riwayat Imam Abu Daud)

والله اعلم بالصواب

Disediakan oleh:

Sekretariat Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor

Tarikh : 11 Rejab 1444 Hijriah bersamaan 1 Februari 2023 Miladiah

LAMPIRAN

**GARIS PANDUAN ORANG ISLAM TURUT MERAYAKAN HARI
KEBESARAN AGAMA ORANG BUKAN ISLAM**

GARIS PANDUAN
ORANG ISLAM TURUT MERAYAKAN
HARI KEBESARAN AGAMA ORANG BUKAN ISLAM

Dalam menentukan perayaan orang bukan Islam yang boleh dihadiri oleh orang Islam beberapa kriteria utama perlu dijadikan garis panduan supaya ia tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti berikut;

1. Majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam.

Maksud "bertentangan dengan akidah Islam" ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan menyebabkan tercemarnya akidah umat Islam.

Contohnya;

- i. menyertakan simbol-simbol agama seperti salib, memasang lampu, lilin, pokok krismas dan sebagainya.
- ii. menyanyikan lagu-lagu bercirikan agama.
- iii. meletakkan apa-apa tanda bercirikan agama pada dahi, atau tanda-tanda lain pada anggota tubuh.
- iv. memberikan ucapan atau isyarat yang berbentuk pujian kepada agama orang bukan Islam.
- v. tunduk atau melakukan perbuatan seolah-olah menghormati upacara agama orang bukan Islam.

2. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan syarak.

Maksud "bertentangan dengan syarak" ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan bertentangan dengan ajaran Islam yang diamalkan oleh masyarakat Islam.

Contohnya:

- i. Memakai pakaian berwarna merah seperti santa claus atau pakaian lain yang melambangkan agama;
 - ii. Menghidangkan minuman atau makanan yang memabukkan dan seumpamanya;
 - iii. Mengadakan bunyi-bunyian atau hiasan seperti loceng gereja, pokok krismas, kuil atau memecah kelapa;
 - iv. Mengadakan acara yang berunsur perjudian, penyembahan, pemujaan, khurafat dan sebagainya.
3. Majlis tersebut tidak disertakan dengan "perbuatan yang bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam" di negara ini.

Maksud "bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam" ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan bertentangan dengan nilai dan norma kehidupan masyarakat Islam Negara ini yang berpegang kepada ajaran Islam berdasarkan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Contohnya:

- i. Percampuran bebas tanpa batas dan adab sopan;
- ii. Berpakaian yang menjolok mata;
- iii. Mendengarkan lagu-lagu yang mempunyai senikata berunsur lucah serta pemujaan;
- iv. Mengadakan program seperti pertandingan ratu cantik, laga ayam dan sebagainya.

4. Majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh "menyentuh sensitiviti masyarakat Islam".

Maksud "menyentuh sensitiviti masyarakat Islam" ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan menyinggung perasaan umat Islam tentang kepercayaan dan amalan mereka.

Contohnya:

- i. Ucapan-ucapan atau nyanyian berbentuk dakwah keagamaan bukan Islam;
 - ii. Ucapan-ucapan yang menghina umat Islam;
 - iii. Ucapan-ucapan yang menghina agama Islam;
 - iv. Persembahan yang bertujuan mempersendakan pegangan agama masyarakat Islam.
5. Pihak penganjur dan orang ramai diminta mendapatkan pandangan pihak berkuasa agama sebelum menganjur atau menghadiri majlis perayaan orang yang bukan beragama Islam.